ianya kekal sehingga ke hari ini (Baharom Ibrahim, 2014). Manakala menurut As'ad Shukri Hj. Musa dan Abdul Rahman Abdullah, (2000) terdapat andaian bahawa pengaruh Islam lebih dulu bertapak di pantai timur Semenanjung daripada kawasan-kawasan lain khususnya di Kelantan. Ini dibuktikan melalui penemuan sekeping dinar emas pada tahun 1914 di Kota Kubang Labu (kini Wakaf Baru). Pada muka pertama bertulis perkataan al-Julus Kelantan 577 yang bermaksud menaiki takhta pada tahun 577 Hijrah/1181 Masihi. Ini jelas menunjukkan Islam telah tersebar luas di Kelantan dan menjadi faktor utama dalam mempengaruhi sistem pendidikan agama di Kelantan. Jolokan sebagai Serambi Mekah amat bersesuaian kerana pada masa dahulu negeri Kelantan telah menjadi pusat tumpuan ulama dari serata tempat. Sehingga kini, masih menjadi kunjungan di kalangan rakyat di luar Kelantan untuk mendalami ilmu agama.





Pengaruh daripada Tok kenali yang merupakan tokoh guru agama yang terkenal di Kelantan juga mempengaruhi sistem pendidikan agama suatu ketika dulu (Nur Irdina Idris, 2012).

Dikatakan juga persahabatan antara Kelantan-Siam telah terjalin sejak dari tahun 1812 dan berterusan sehingga tahun 1909, apabila negeri Kelantan diserahkan oleh Siam kepada Inggeris. Penglibatan Siam di Kelantan bermula apabila munculnya ancaman dari Terengganu. Lantaran itu, Kelantan terpaksa mendapatkan perlindungan daripada Siam. Demi untuk mendapatkan perlindungan, bunga emas dihantar setiap tiga tahun sekali kepada Siam sebagai tanda persahabatan. Situasi ini terjadi kerana keadaan politik Kelantan masih belum stabil semasa pemerintahan Sultan Muhammad I. Hubungan ini akhirnya membawa kepada pengaruh Siam ke atas Negeri Kelantan,



Rakaman temu bual melalui Encik Eh Mooi A/L Eh Chit pada 2 Januari 2016, menyatakan kedatangan orang-orang Siam ke Kelantan telah membawa bersama agama Budha. Dari situ terbinanya pusat keagamaan mereka yang dikenali sebagai kethik (wat). Ciri-ciri seni bina kethik telah mempengaruhi masyarakat Melayu dalam pembinaan pada masa itu terutamanya dari segi ukiran. Beliau juga mengatakan ukiran pada seni bina wat adalah hasil pembawaan daripada Siam. Pendapat ini dipersetujui oleh Encik Sharfudin Salleh (Temu bual, 2 Januari 2016). Beliau menjelaskan kebanyakan ukiran yang wujud dalam masyarakat Melayu dahulunya dikatakan berasal dari Patani, Thailand tetapi telah diolah ukiran tersebut bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, gabungan seni bina Melayu Kelantan telah diadaptasikan oleh masyarakat Kelantan lampau dan telah



digambarkan melalui binaan-binaan lama seperti Istana Jahar, Muzium Negeri Kelantan, Masjid Kampung Laut, Masjid Lama Kedai Mulong dan rumah-rumah tradisional Kelantan. Majoriti daripada binaan tersebut telah diwartakan sebagai bangunan warisan di bawah Jabatan Warisan Negara. Oleh yang demikian, pihak MPKB-BRI telah mewujudkan zon warisan bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dijalankan dengan sempurna (RTJ KB 2020.)



Rajah 1.2. Bangunan-Bangunan dalam Zon Warisan di Kelantan. Sumber: Penyelidik, (2016).



Kota Bharu merupakan ibu negeri Kelantan. Bandar ini terletak tidak jauh daripada muara Sungai Kelantan dan telah menjadi pusat pentadbiran dan perniagaan bagi negeri Kelantan. Kota Bharu merupakan salah satu daripada 10 jajahan pentadbiran negeri Kelantan yang terdiri daripada Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli, dan Gua Musang. Pada tahun 1936, bandar Kota Bharu telah dinaiktarafkan sebagai Majlis Bandaran Kota Bharu (MPKB). Namun pada tahun 1971 MPKB telah dimansuhkan dan ditukarkan kepada Lembaga Bandaran. Manakala pada tahun 1978, Lembaga Bandaran Kota Bharu disusun semula dan dinaiktarafkan kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu. Kota Bharu telah mengalami proses urbanisasi yang pesat dan menjadi tumpuan penduduk.

Hari ini, Kota Bharu telah muncul sebagai bandar terbesar di Pantai Timur

Malaysia dengan jumlah penduduk melebihi 609,886 orang (Baharom Ibrahim, 2014).

Menurut beliau juga, Kota Bharu telah diisytiharkan sebagai Bandar Raya Islam pada 1 Oktober 2005 oleh Sultan Kelantan, KDYMM Sultan Ismail Petra ibni al-Marhum Sultan Yahya Petra di Stadium Sultan Mohammed ke-IV. Selepas perasmian tersebut, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) telah ditukar kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Pengisytiharan ini bukan bermakna Kota Bharu telah mendapat status bandar raya, tetapi sekadar menggelar Kota Bharu sebagai bandar yang bercirikan Islam sebagaimana Melaka digelar Bandar Raya Bersejarah atas dasar bercirikan sejarah. Menurut beliau juga, perkembangan bandar Kota Bharu bermula pada tahun 1844, iaitu sebagai sebuah penempatan Diraja dan diisytiharkan sebagai pusat pemerintahan negeri Kelantan yang baru oleh Ke bawah Duli Yang Mulia Al-Marhum Sultan Muhammad Ke-II (Sultan Senik Mulut Merah). Kota Bharu dipilih bagi menggantikan Kota Saba kerana lokasi yang tidak strategik





akibat ancaman banjir. Baginda telah bersemayam di sebuah istana yang digelar “Kota Bharu” sempena kota yang baharu dibuka itu dan sekarang dikenali sebagai Istana Balai Besar.

Sebagai usaha dalam mempertahankan identiti seni bina tradisional Melayu Kelantan, pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam telah merangka Rancangan Tempatan Jajahan Kota Bharu 2020. Antara kepentingan RTJ KB 2020, memastikan arah tuju dan strategi pembangunan Jajahan Kota Bharu selaras dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN) Kelantan. Menyediakan dan memperhalus garis panduan dan perancangan pembangunan serta menyediakan prinsip dan kriteria asas membantu MPKB-BRI dan MDK membuat keputusan bagi permohonan perancangan. Selain itu RTJ KB 2020 bertindak mengenal pasti sumber-sumber alam bina dan semula jadi Jajahan Kota Bharu yang mempunyai kepentingan alam sekitar, nilai sejarah dan keindahan yang perlu dikekalkan dan dipulihara. Demi mencapai imej dan reka bentuk bandar tersebut, pihak Rancangan Tempatan Jajahan Kota Baharu telah melaksanakan garis panduan khas dalam pembangunan baharu di sekitar Kota Bharu, (RTJ KB 2020). Usaha ini dilihat sebagai satu pendekatan terbaik dalam memulihkan kembali identiti senibina Melayu Kelantan dalam pembangunan baharu di sekitar bandar Kota Bharu.



1.3 Pernyataan Masalah

Peredaran zaman yang diikuti dengan arus kemodenan dan kemajuan telah mengubah budaya masyarakat Melayu. Fenomena ini menyebabkan elemen-elemen binaan dalam seni bina tradisional semakin dilupakan. Kesannya, masyarakat Melayu mula beralih arah kepada binaan moden tanpa mempedulikan nilai dan makna pada elemen seni bina tradisional yang tersembunyi di dalam ciptaan mereka. Keadaan ini menjadikan bidang seni bina tradisional semakin pudar di kalangan masyarakat Melayu dan semakin dipinggirkan. Ini merupakan satu kehilangan dalam bidang seni bina Melayu kerana di situ lah letaknya identiti sesuatu bangsa, (Afandi Yahya, 1995). Sekiranya perkara ini tidak dibendung, masyarakat Melayu akan kehilangan identiti warisan bangsa sendiri dan tidak mustahil ia akan lenyap pada masa akan datang.



Bangunan Rumah Kedai



Bangunan Bazar Tok Guru

Rajah 1.3. Imej Bangunan Baharu Berunsurkan Senibina Barat. Sumber: Penyelidik, (2016).

Pertembungan budaya luar telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap perkembangan seni bina di Kelantan. Manakala pelbagai bentuk dan ragam hias pada bangunan dikesan hasil daripada proses asimilasi dan adaptasi budaya luar. Unsur unsur elemen binaan yang diterapkan pada bangunan seperti bangunan pentadbiran,



bangunan perniagaan mahupun masjid adalah berdasarkan kepada gabungan unsur-unsur tradisi dengan unsur Hindu-Buddha, Islam-Arab, Cina dan Eropah, (Azmi Mohd Yusof, 2014). Ini mendorong kepada hilangnya identiti seni bina Melayu Kelantan pada pembangunan baharu sekiranya budaya adaptasi daripada elemen berunsurkan barat tidak dicegah. Hal ini turut diperakui oleh penyelidik terdahulu iaitu Ismail, Surat, Shahminan, Yunus (2014) dan Hafizi Kosnan (2009). Masih terdapat kesamaran dalam pencarian identiti seni bina di Malaysia amnya. Ini dibuktikan melalui wujudnya perubahan pembangunan selepas kemerdekaan. Manakala Nangkula Utaberta dan Tajuddin Mohd. Rasdi (2014) berpendapat, penggerak seni bina di Malaysia cuba mengadaptasikan bahasa gaya antarabangsa menjadi bahasa tempatan. Masjid Negara menjadi ukuran pada kenyataan ini. Dibangunkan berlandaskan gaya antarabangsa kesan daripada pemilihan bahan dan sistem strukturnya dan menerapkan elemen seni bina Melayu melalui reka bentuk bumbung dan ruang serambi pada bahagian hadapan masjid. Kesannya gaya seni bina Melayu menjadi tempelan kepada gaya seni bina antarabangsa yang dibangunkan di Malaysia. Terjadinya konflik identiti kerana seni bina gaya antarabangsa diutamakan berbanding seni bina tradisional.

Pakar akademik, Ar. Mastor Surat (Temu bual, 6 Mei 2016) telah mengulas bahawa, binaan gereja-gereja di Eropah adalah berkubah Rome lama. Menjadi permasalahan apabila masyarakat Melayu melakukan peniruan terhadap gaya rupa binaan tersebut. Mereka telah memasukkan unsur berkubah ke dalam seni bina masjid dan menjadikannya sebagai salah satu lambang keagamaan. Di sini jelas menunjukkan unsur kubah bukan elemen seni bina masyarakat Melayu. Pendapat beliau juga menegaskan, unsur binaan Melayu melambangkan jati diri orang-orang Melayu. Jadi





sebagai langkah pengembangan idea yang lebih kreatif, generasi muda digalakkan meneruskan kajian berunsurkan elemen-elemen binaan tradisional Melayu ini. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan untuk membendung kemasukan pengaruh seni bina luar ke dalam seni bina tempatan. Berdasarkan rakaman temu bual bersama Encik Azman Mohd Ab.Ghani, Penolong Pegawai Perancang Bandar Kota Bharu (Temu bual, 30 Disember 2015) menjelaskan, pembinaan berunsurkan kubah telah dikurangkan oleh pihak MPKBRI. Penekanan terhadap gaya seni bina tradisional Melayu Kelantan dilaksanakan. Namun, akibat daripada ketidakupayaan pihak majlis untuk menampung kos yang tinggi, pembinaan berunsurkan seni bina tradisional Melayu dihadkan hanya pada bangunan yang dijadikan sebagai mercu tanda negeri Kelantan sahaja.



penyelidikan terperinci telah dijalankan bagi memastikan nilai dan elemen seni bina tradisional Melayu terutamanya di negeri Kelantan tetap terpelihara. Cubaan pihak pemaju swasta membangunkan bangunan yang bercirikan elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan dilihat sebagai dorongan awal dalam mempertahankan seni bina tempatan. Hasil dokumentasi daripada penyelidikan ini diharap mampu meneruskan usaha penyelidik terdahulu mendokumentasikan elemen-elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan, sekali gus membuka mata semua pihak menghargai dan mengangkat nilainya ke tahap yang lebih tinggi. Penyelidikan ke arah memartabatkan pembinaan berteraskan seni bina tradisional Melayu ini adalah sejajar dengan Wawasan 2020 untuk mencapai status negara maju. Pembinaan adalah sektor penyumbang utama kepada ekonomi negara dan mempunyai peranan yang besar (Hala Tuju Pendidikan Seni Bina Di Malaysia, 2014). Diharapkan isu dan permasalahan





dalam mengembalikan identiti seni bina tradisional Melayu Kelantan dapat dijadikan sumber pembangunan utama di samping membantu menjana ekonomi negeri dan negara amnya.

1.4 Justifikasi Kajian

Bandar Kota Bharu merupakan pusat pentadbiran, perdagangan dan kewangan utama bagi negeri Kelantan. Fokus utama adalah aktiviti perdagangan kerana terdapat banyak penawaran barang dan perkhidmatan bagi penduduk setempat dan kawasan sekitarnya. Bagi mencapai persekitaran pembangunan fizikal yang mampan, perancangan guna tanah telah dilaksanakan secara teratur dan sistematik (RTJ KB 2020). Pembangunan yang pesat berlaku di kawasan MPKB BRI membantu memperkuuhkan lagi Kota Bharu sebagai bandar metropolitan di Kelantan. Kota Bharu Kelantan di pilih sebagai tempat penyelidikan disebabkan faktor dan tarikan elemen-elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan seperti bentuk bumbung, dinding, tiang, ragam hias yang masih dipelihara. Elemen-elemen tersebut menjadi tunjang dan tarikan binaan bangunan di Kelantan dan Kota Bharu khususnya. Pandangan yang sama turut dijelaskan oleh Yusof Abdullah, (2012). Beliau menyifatkan wujud nilai-nilai estetika dalam binaan tradisional. Selain itu, keindahan sesuatu binaan terserah dari segi reka bentuk dan ragam hiasnya. Kenyataan ini mengukuhkan lagi fakta bahawa penyelidik harus mendalami dan memahami dengan lebih teliti tentang elemen-elemen binaan traditional yang berjaya dihidupkan kembali dalam binaan masa kini terutamanya dalam daerah Kota Bharu. Hasil daripada kesedaran pihak pemaju sama ada kerajaan mahu pun swasta telah terbangunnya





bangunan-bangunan yang menerapkan reka bentuk dan ciri-ciri kesenian tradisional Melayu Kelantan ini. Gaya penampilan seni bina, bahan-bahan binaan dan struktur yang digunakan pemaju telah dikaji oleh penyelidik. Rancangan Struktur Negeri dan RTJ KB 2020 menjadi landasan utama kepada penyelidik dalam mengenal pasti dan menghebahkan pembangunan baharu yang mampu menerapkan elemen-elemen binaan tradisional Melayu Kelantan ke dalamnya. Selaras dengan permasalahan kajian, MPKB BRI telah merangka garis panduan pembangunan dalam melestarikan bandar Kota Bharu ke arah pembangunan yang lebih mampan di samping memelihara identiti seni bina warisan Kelantan dalam corak pembangunan moden. Tidak dinafikan pertembungan budaya luar telah meninggalkan kesan mendalam terhadap perkembangan seni bina di Malaysia dan dibuktikan dengan gabungan penerapan unsur tersebut ke atas pembangunan seperti bangunan pentadbiran, masjid, rumah ibadat dan pembangunan lain (Azmi Yusof, 2014). Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dilaksanakan sebagai langkah menangani kehilangan identiti seni bina tradisional Melayu Kelantan ke atas pembangunan baharu dalam RTJ KB 2020 dan menghebahkannya kepada pelajar, masyarakat, pemaju, golongan korporat, pentadbiran kerajaan mahupun para penyelidik . Contoh pembangunan baharu yang berjaya menerapkan elemen binaan tradisional Melayu Kelantan telah diperincikan seni binanya untuk dijadikan panduan dalam membudayakan pembangunan beridentitikan ciri-ciri binaan tradisional Melayu Kelantan. Huraian terperinci telah dilakukan oleh penyelidik bagi menjelaskan ciri-ciri elemen yang dikategorikan sebagai imej seni bina tradisional Melayu dalam seni bina Melayu Kelantan. Akhir sekali penyelidik telah membuat penilaian terhadap keberkesanan penerapan elemen binaan ini ke dalam pembangunan baharu melalui RTJ KB 2020.



1.5 Objektif Kajian

Penyelidikan tentang penerapan elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan dalam pembangunan baharu RTJ KB 2020 diharap mampu dijadikan rujukan dan panduan penting kepada peneraju pembangunan terutamanya di sekitar bandar Kota Bharu pada masa hadapan. Dengan itu, penyelidik telah mengklasifikasikan beberapa kepentingan yang wujud hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Antara objektif utama yang ingin dicapai menerusi penyelidikan ini adalah:

- i) Mengkaji ciri-ciri binaan dalam seni bina tradisional rumah Melayu Kelantan.
- ii) Menganalisa perubahan reka bentuk pada seni bina Melayu Kelantan lama dan seni bina Melayu Kelantan semasa.
- iii) Menilai tahap keberkesanan penerapan elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan dalam pembangunan baharu RTJ KB 2020.

Tiga objektif utama kajian di atas telah menjadi sasaran penyelidik dalam usaha menangani isu permasalahan pembangunan baharu di negeri Kelantan terutamanya dalam jajahan Kota Bharu. Karakter dan ciri-ciri rupa bentuk dalam seni bina tradisional Melayu Kelantan dapat diaplikasikan pada pembangunan baharu bagi membantu proses melestarikan pembangunan ke arah beridentitikan Melayu Kelantan pada masa akan datang.

1.6 Persoalan Kajian


Secara khususnya penyelidikan ini dijalankan berdasarkan beberapa persoalan seperti yang dinyatakan di bawah:

- i) Apakah ciri-ciri yang melambangkan identiti seni bina tradisional Melayu Kelantan?
- ii) Bagaimanakah perubahan reka bentuk pada seni bina Melayu lama Kelantan dan seni bina Melayu Kelantan sekarang?
- iii) Adakah nilai-nilai elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan berjaya diterapkan ke dalam corak pembangunan baharu RTJ KB 2020?

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan kepada perkembangan warisan seni bina Melayu Kelantan dalam corak pembangunan baharu dalam daerah Kota Bharu. Ini mendorong penyelidik meneliti elemen-elemen binaan rumah tradisional Melayu Kelantan, perbezaan perubahan pada reka bentuk seni bina Melayu Kelantan dahulu dan semasa, juga menilai tahap keberkesanan penerapan elemen binaan tradisional Melayu Kelantan ke dalam corak pembangunan baharu RTJ KB 2020. Merujuk kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan, terdapat tiga aspek utama yang perlu diberikan penjelasan secara terperinci. Pertama, penyelidik telah mengenal pasti elemen-elemen yang menentukan keaslian pada seni bina tradisional rumah Melayu Kelantan. Ianya terdiri daripada pengaruh, elemen binaan dan juga ragam

hias. Aspek kedua yang dikaji berdasarkan kepada perubahan reka bentuk dan struktur binaan meliputi reka bentuk bumbung, tiang, dinding dan juga bahan binaan. Manakala kupasan kajian terakhir melalui penilaian terhadap aspek estetika dan penerapan dalam RTJ Kota Bharu 2020. Mengukuhkan lagi proses penyelidikan, penyelidik telah menganalisis data daripada dokumen perancangan daripada pihak RTJ KB 2020 secara keseluruhannya. Hal ini bertujuan membantu penyelidik memahami garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak MPKB-BRI dan seterusnya melakukan pemerhatian dan penilaian ke atas keberkesanan pembangunan baharu yang berjaya menerapkan elemen binaan tradisional Melayu Kelantan ini. Butiran terperinci telah di jelaskan seperti rajah di bawah.




Rajah 1.4. Peta Konsep Perkembangan Seni Bina Melayu Kelantan, adaptasi daripada Rusdi Mohd Nasir, (2015). Menekankan Teori Gaya Rupa (Tajuddin Mohamad Rasdi dan Rosdan Abdul Rahman, 2012).



Penyelidik mengaplikasikan salah satu daripada teori seni bina iaitu Teori Gaya Rupa dalam mendefinisikan komposisi sesuatu bangunan yang digubah secara sengaja bagi melahirkan suatu identiti tersendiri dalam sesuatu kelompok masyarakat (Tajuddin Mohamad Rasdi, 2008). Sesuatu gaya rupa yang ingin ditonjolkan haruslah menggambarkan ciri-ciri nilai-nilai sebenar, di samping perlunya ada rupa bentuk yang logik serta menonjolkan keasliannya yang tersendiri. Sesuai dengan penyelidikan yang dijalankan, penerapan elemen-elemen binaan Melayu Kelantan pada pembangunan baharu di sekitar RTJ KB 2020 dilihat menepati olahan idea daripada Teori Gaya Rupa ini dalam menghasilkan pembangunan baharu bercirikan seni bina tradisional Melayu Kelantan. Ini mendorong kepada satu kefahaman yang lebih sesuai dan boleh mewujudkan penghayatan yang mendalam terhadap sesuatu reka bentuk yang dihasilkan (Tajuddin Mohamad Rasdi dan Alice Sabrina Ismail, 2002).

Mengaspirasikan gaya seni bina tradisional Melayu Kelantan dalam pembangunan baharu RTJ KB 2020 merupakan langkah yang tepat dalam mengembalikan identiti seni bina tradisional Melayu Kelantan berdasarkan Teori Gaya Rupa. Hal ini sejajar dengan hasrat penyelidik untuk melonjakkan nilai seni bina tradisional Melayu Kelantan seiring dengan pembangunan semasa di Kota Bharu. Penonjolan ini diharap mampu mengangkat martabat seni bina tradisional Melayu Kelantan ke peringkat global. Manakala proses keseluruhan kajian telah digambarkan oleh penyelidik melalui carta aliran di bawah.





Rajah 1.5. Carta Aliran Kajian. Sumber: Penyelidik, (2016).

1.8 Kepentingan Kajian

Sejarah seni bina penting untuk diketahui umum agar proses menghayati dan mengadaptasi warisan kesenian serta seni bina dapat membantu mewujudkan identiti tempatan dan menjadi penghubung antara kehidupan tradisional dengan corak kehidupan masyarakat moden zaman kini (Tajuddin Mohamad Rasdi, 2008). Menurut



Rusdi Mohd Nasir dan Ismail Hafiz Salleh (2015), penyelidikan ini dapat meningkatkan pengetahuan agar lebih menghargai karakter dan identiti warisan Melayu Kelantan. Oleh yang demikian, menerusnya diharap dapat memberikan kepentingan kepada semua pihak. Di antara kepentingan yang dapat diklasifikasikan dalam penyelidikan adalah:

- i) Mengelakkan imej dan identiti seni bina tradisional Melayu Kelantan.
- ii) Mendokumentasikan elemen-elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan dan menerapkan nilai tersebut dalam corak pembangunan baharu RTJ KB.
- iii) Sebagai panduan dan rujukan kepada pihak MPKB-BRI dalam merangka garis panduan pembangunan baharu berdasarkan penerapan elemen binaan tradisional Melayu Kelantan.



1.9 Batasan Kajian

Kawasan penyelidikan adalah tertumpu kepada pembangunan baharu dalam RTJ KB Kelantan sahaja. Penyelidikan juga dijalankan di sekitar zon pembangunan kawasan pelancongan dan pembangunan warisan. Penyelidik telah mengklasifikasikan setiap pembangunan baharu yang dipilih dalam zon tersebut adalah mengikut kategori yang telah ditetapkan. Kategori tersebut merangkumi pemilihan pembangunan baharu melibatkan bangunan awam, bangunan keagamaan dan bangunan pentadbiran. Pembangunan yang semakin bertambah dalam RTJ KB 2020 telah menampilkan pelbagai bentuk seni bina sama ada berdasarkan seni bina tempatan mahu pun pengaruh





luar. Oleh yang demikian, ketiga-tiga kategori bangunan tersebut diwujudkan adalah sebagai pengukur kepada tahap pemilihan pembangunan baharu yang lebih spesifik kepada tajuk penyelidikan. Selain itu, kesukaran mendapatkan pelbagai jenis pembangunan baharu yang menerapkan elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan di bawah satu kategori mendorong penyelidik memilih cara pengelasan mengikut kategori bangunan dilaksanakan. Penyelidikan berdasarkan penerapan elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan melibatkan pembangunan baharu dalam RTJ KB 2020 dipilih berdasarkan kepada ciri-ciri binaan tradisional Melayu Kelantan, perubahan reka bentuk dan nilai estetika yang wujud pada bangunan tersebut. Pemerhatian dijalankan bagi mengenal pasti tahap penerapan nilai tersebut ke atas bangunan-bangunan terpilih dalam mencorakkan identiti seni bina tersendiri di negeri Kelantan. Tindakan pemilihan kategori bangunan ini juga telah mengambil kira batasan faktor, lokasi, kekangan masa dan tempoh waktu pengajian yang terpaksa dilalui oleh penyelidik.

Batasan penyelidikan tertumpu kepada kajian warisan seni bina pada abad ke-18 sahaja (Chen V.F, 2007). Perkembangan reka bentuk seni bina bermula dari era ke-16 sehingga ke era 20 juga telah dikaji dengan lebih mendalam. Kota Bharu dipilih sebagai tempat penyelidikan kerana hasil tinggalan sejarah dan warisan seni bina yang masih kekal dipelihara sehingga sekarang. Penyelidik telah merujuk kepada Unit Rancangan Pembangunan di bawah MPKB-BRI dan Muzium Negeri Kelantan dalam pencarian maklumat berkenaan dengan imej dan identiti warisan seni bina Melayu Kelantan. Selain itu, penyelidikan ini telah mengambil kira aspek dan pandangan yang dikeluarkan oleh MPKB dalam usaha mengekalkan identiti seni bina tradisional



Melayu Kelantan bersesuaian dengan corak pembangunan baharu dalam RTJ KB 2020.

1.10 Kesimpulan

Kota Bharu Kelantan dijadikan subjek utama kajian kes kerana wujudnya pembangunan yang pesat di sekitar kawasan bandar tersebut. Sebagai satu cabaran dan juga keperluan bagi penyelidik untuk menyelami tahap pembangunan tersebut supaya tiada elemen tradisional dalam seni bina Melayu dileyapkan. Bertindak sebagai perantara kepada pihak-pihak terlibat dalam menjadikan elemen seni bina tradisional Melayu Kelantan sebahagian daripada elemen pembangunan yang mampu dikomersialkan. Selain itu, penyelidikan ini penting sebagai usaha meneruskan perjuangan tokoh-tokoh seni bina terdahulu dalam memartabatkan seni bina tradisional Melayu Kelantan. Ianya juga merupakan salah satu inisiatif dalam memelihara warisan bangsa yang wujud dalam ketamadunan masyarakat Melayu. Diharapkan elemen ini tidak dipinggirkan dan menjadi titik tolak serta komponen penting dalam pembangunan bandar Kota Bharu semasa dan akan datang. Oleh yang demikian, adalah menjadi matlamat penulisan tesis ini dilaksanakan bagi melihat penerapan elemen-elemen binaan tradisional Melayu ke atas pembangunan baharu di Kelantan khasnya di sekitar Kota Bharu mampu didirikan tanpa pertembungan dengan elemen barat. Sebagai langkah pengenalan, kajian literatur berdasarkan elemen binaan tradisional rumah Melayu Kelantan dijelaskan dengan lengkap dalam bab seterusnya.